

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XVIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

10. Pelebaran Jalan Titi Kerawang.

- (a) Berapa peratus telah siap untuk projek ini?
- (b) Adakah EOT diberikan dalam projek ini dan berapa jangka masa yang diberikan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. (a) Peratus kemajuan fizikal projek pelebaran Jalan Titi Kerawang ialah sebanyak 79% sehingga 7 Mac 2020.
- (b) *Extention of time* (EOT) telah diberikan dalam projek ini disebabkan beberapa masalah teknikal dan kekangan di lapangan. Antara masalah utama yang dihadapi adalah:
- (i) Kelewatan dalam proses mendapatkan kelulusan Laporan Environmental Impact Assessment (EIA);
  - (ii) Isu gerai sedia ada di kawasan tapak projek; dan
  - (iii) Kelewatan kelulusan terhadap penebangan pokok di kawasan yang terjejas.

EOT yang diluluskan adalah selama 213 hari dari tarikh siap asal projek pada 13 Januari 2020. Oleh itu, tarikh siap baharu adalah pada 14 Ogos 2020.